07 OCT 2002
Mahathir-Audit
DR MAHATHIR MINTA JURUAUDIT TIDAK DIPENGARUHI SENTIMEN

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata juraudit harus mementingkan integriti semasa memikul tanggungjawab dan tidak terpengaruh dengan sentimen tertentu semasa melaksanakan tugas.

Perdana Menteri berkata, mereka tidak seharusnya dijadikan alat oleh sesetengah pihak termasuk media untuk membuktikan sebarang syak semata-mata untuk mensabitkan kesalahan seseorang.

"Sepatutnya auditor tidak dipengaruhi dengan sentimen awam atau orang yang diaudit termasuk jabatan-jabatan kerajaan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Ketua Audit Negara Komanwel di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, tidak banyak kes membabitkan kesalahan juruaudit dilaporkan berlaku di jabatan kerajaan di negara ini.

Menurutnya, kebanyakan kesalahan membabitkan kesalahan berbentuk prosedur dan boleh ditangani dengan pelbagai cara seperti pegawai terbabit diketepikan dan denda di peringkat jabatan.

Beliau berkata, kes-kes sebegitu tidak banyak dilaporkan kepada polis dan laporan audit jabatan kerajaan di negara ini adalah baik berbanding negara lain.

"Tiada (kes) yang serius sampai dia ambil duit masuk poket," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir meminta ketua-ketua audit mengambil kira tentang erti kebebasan secara professional dalam mengaudit sektor awam dan melaporkannya.

Dalam tugasnya, seseorang ketua audit akan memperolehi maklumat mengenai perkara-perkara amat sulit malahan rahsia tentang pertahanan negara atau ekonomi negara, kata Perdana Menteri.

"Elakkan daripada membuat laporan isu-isu tertentu semata-mata untuk menimbulkan gah atau keadaan sensasi," katanya.

Dr Mahathir berkata seseorang ketua audit perlu menimbang baik buruknya dalam menghebahkan perkara-perkara seperti itu kepada umum kerana kesannya amat meluas dan boleh memudaratkan kepentingan negara.

Sebanyak 100 juruaudit dari 37 negara Komanwel menghadiri persidangan tiga hari itu.

Persidangan tiga tahun sekali itu bertujuan meningkatkan kerjasama di kalangan ketua-ketua audit negara Komanwel dengan matlamat memajukan pengetahuan dan professionalisme dalam bidang pengauditan, perakaunan dan kewangan antarabangsa.

Ia juga membolehkan ketua audit negara dan pegawai-pegawai kanan institusi audit sejagat bertukar-tukar maklumat dalam bidang pengauditan terkini.

-- BERNAMA
AZH MHI AHH MAI